



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

SIARAN MEDIA

TEATER PERKHIDMATAN AWAM 2023: SENGKELA PERAK PENYATUAN BANGSA MELALUI BAHASA

“Kuat lilit kerana simpulnya, pengorbanan Cempakasari tidak harus disia-sia.”

Teater Perkhidmatan Awam Tahun 2023 kini kembali dengan pementasan “Sengkela Perak” yang akan berlangsung di Panggung Sari, Istana Budaya, Kuala Lumpur pada 7 hingga 9 Disember 2023.

Berteraskan penyatuan bangsa melalui bahasa, pementasan teater ini adalah untuk mengangkat sejarah dan budaya tanah air serta memperkukuhkan pembinaan jati diri anak bangsa.

Seiring dengan peranan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kecil Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan Peringkat Perkhidmatan Awam, Teater Perkhidmatan Awam yang mula dipentaskan pada tahun 2015 merupakan inisiatif kebahasaan berimpak tinggi Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sempena penutupan sambutan Dekad Bahasa Kebangsaan Peringkat Sektor Perkhidmatan Awam.

Sengkela Perak menceritakan sebuah kisah epik sejarah kebijaksanaan Kerajaan Perak yang menjalinkan kerjasama terbesar dalam sejarah tanah air dengan Kerajaan Kedah, Selangor, Johor, Patani dan Singgora bagi menghalang kemaraan Siam menakluk Tanah Melayu dengan menggunakan ketenteraan Kerajaan Ligor untuk menghancurkan pertahanan Perak sebelum memusnahkan Johor dan Selangor.

Dibintangi oleh penjawat awam daripada 38 agensi Kerajaan sebagai pelakon dan tenaga kerja produksi, teater anjuran JPA melibatkan kerjasama strategik daripada Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC), Istana Budaya, Antara Seni Perkhidmatan Awam (ASPA), Universiti Multimedia (MMU), Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT), Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD) dan Kelab JPA.

Tiket teater Sengkela Perak boleh dibeli pada harga RM42.40 (Stalls), RM32.00 (Grand Circle) dan RM22.00 (Upper Circle) menerusi pautan:

<https://www.ticket2u.com.my/event/cd?id=33486&q=0492d65654db27b456c62e8e27ea2513>.

####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh: 28 November 2023

E-mel: komunikasi@jpa.gov.my

No.Rujukan: JPA.100-9/1/2 Jld.2 (54)